

04/10/1998

Umno Sabah amal pendekatan sederhana

KOTA KINABALU: Umno Sabah menggunakan pendekatan kesederhanaan dalam memberi penjelasan kepada ahli peringkat akar umbi berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan Umno.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, berkata program penerangan akan dipertingkatkan bagi memastikan isu berkenaan tidak dimanipulasi dalam pilihan raya negeri akan datang.

Sambil menolak tanggapan isu itu menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN), beliau berkata, Umno akan memberi tumpuan kepada soal pentingnya perpaduan dalam parti.

"Jika kita bersatu padu, kita akan menang dan dapat laksana kehendak dan hasrat kerajaan. Jika parti pecah dan kalah dalam pilihan raya, kita tidak boleh berbuat apa-apa untuk rakyat," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di pejabat Umno Sabah di sini, pagi semalam.

Mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa beliau akan merujuk kepada MT berhubung pelantikan Timbalan Perdana Menteri, Osu berkata, perkara itu adalah selaras dengan budaya Umno yang mengamalkan pendekatan secara musyawarah.

Katanya, soal pelantikan itu adalah hak mutlak Perdana Menteri, tetapi apabila ia dirujuk kepada Umno, ia menampakkan Perdana Menteri tidak mahu menggunakan kuasa yang ada padanya.

(END)